SPANS

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

LAPORAN TAHUNAN 2016

# SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

Integrity | Kind & Caring | Professionalism | Sense of Urgency & Ownership

Team Spirit | Result Oriented







SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

SPANS

# LAPORAN TAHUNAN 2016

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK


| | |
|---|---|
| 01 | PERUTUSAN PENGERUSI |
| 03-04 | SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK (SPANS) |
| 06 | MUKADIMAH |
| 08 | SEJARAH PENUBUHAN |
| 10 | MANTAN-MANTAN PENGERUSI SPANS |
| 12 | VISI DAN MISI |
| 14 | FUNGSI-FUNGSI SPANS |
| 16 | PERWAKILAN KUASA |
| 18 | STRUKTUR ORGANISASI |
| 20 | SENARAI PERJAWATAN DAN KAKITANGAN |
| 22 | LAPORAN KEWANGAN |
| | PENGAMBILAN |
| 24 | Demografi Permohonan |
| 25 | Pengambilan |
| 27 | KENAIKAN PANGKAT |
| 29 | PERKHIDMATAN |
| 31 | TATATERTIB |
| | BIASISWA PINJAMAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK (BPKNS) |
| 33 | Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak (BPKNS) |
| 34 | Prestasi Perbelanjaan BPKNS |
| 35 | Bayaran Balik Biasiswa Pinjaman |
| 37- 44 | GALERI |

# LAPORAN TAHUNAN 2016

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

# 01 PERUTUSAN PENGERUSI



# PERUTUSAN **PENGERUSI**

Alhamdulilah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan redhaNya, maka Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) dapat menerbitkan Laporan Tahunan 2016.

SPANS sebagai sebuah institusi ciptaan Perlembagaan bertanggungjawab dalam hal pengambilan, pengesahan, pemberian taraf berpencen, kenaikan pangkat, perpindahan dan disiplin penjawat awam sudah tentu memainkan peranan yang jitu dalam membentuk Perkhidmatan Awam yang bertaraf dunia. Hakikat ini, adalah selaras dengan visi "Sarawak dalam sebuah negeri maju, berpendapatan tinggi pada tahun 2030".

Tahun 2016 menyaksikan seramai 811 orang telah dilantik ke jawatan tetap dan berpencen yang terdiri dari 247 orang bagi Pihak Berkuasa Tempatan dan 564 orang bagi Perkhidmatan Awam Negeri. Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 559 orang berbanding hanya 252 orang pada tahun sebelumnya untuk kedua-dua kategori tersebut.

Dalam konteks pengawalan disiplin, Suruhanjaya telah menyelesaikan 60 kes tatatertib berbanding hanya 25 kes dalam tahun 2015. Kesalahan tatatertib tersebut melibatkan 4 orang atau 7% bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional, 29 orang atau 48% bagi Kumpulan Sokongan I dan 27 orang atau 45% Kumpulan Sokongan II. Dari jumlah tersebut, seramai 44 orang atau 73% telah dikenakan hukuman buang kerja.

SPANS juga telah membiayai seramai 189 orang pelajar untuk mengikuti pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dalam pelbagai jurusan di Institusi Pengajian Tinggi Awam Tempatan. Bagi tujuan pembiayaan Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak (BPKNS) sebanyak RM3.5 juta telah diperuntukkan dalam tahun yang dilaporkan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Yang Arif Peguam Besar Negeri atas kerjasama mereka dalam hal sumber manusia dan menangani kes disiplin masing-masingnya.

Sekian, terima kasih.



**DATU ABDUL GHAFUR BIN SHARIFF**
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Sarawak

# LAPORAN TAHUNAN 2016

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

# 03-04

## SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK (SPANS)

# SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM **NEGERI SARAWAK (SPANS)**

Menurut Artikel 35(1), Perlembagaan Negeri Sarawak (Pindaan 1993), keahlian Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak terdiri daripada seorang **Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak kurang daripada empat (4) atau tidak lebih daripada sembilan (9) orang ahli.** Keahlian Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak bagi tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:






2. **Haji Zakaria P. Nyumay** Timbalan Pengerusi *(01.12.2005 – 31.12.2016)*
3. **Dato' Nyomek ak. Nyeap (Ahli)** *(02.02.2010 - 01.02.2016)*
4. **Vinus Minda ak. Belikau (Ahli)** *(02.10.2006 -31.12.2016)*
5. **Edward Sadai ak. Anja (Ahli)** *(08.09.2008 – 31.12.2016)*






6. **Chai Moi Fong (Ahli)***(Mulai 03.10.2008)*
7. **Hajjah Rabiah binti Johari (Ahli)***(Mulai 01.04.2012)*
8. **Haji Abdullah Bin Jamil (Ahli)***(16.02.2015 - 02.02.2017)*
9. **Dr. Peter Songan (Ahli)***(Mulai 17.10.2016)*



**Dari kiri ke kanan:**

**Haji Abdullah Jamil** (Ahli), **Hajjah Rabiah binti Johari** (Ahli), **Dr. Peter Songan** (Ahli), **Haji Zakaria P. Nyumay** (Timbalan Pengerusi), **Datu Abdul Ghafur Bin Shariff** (Pengerusi), **Encik Vinus Minda ak Belikau** (Ahli), **Encik Chai Moi Fong** (Ahli), **Haji Adana Bin Haji Jed** (Setiausaha), **Dato' Nyomek ak Nyeap** (Ahli), dan **Encik Edward Sadai ak Anja** (Ahli).

LAPORAN TAHUNAN 2016

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

# 06 MUKADIMAH



# MUKADIMAH

Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) ini disediakan untuk memenuhi Artikel 36(8), Perlembagaan Negeri Sarawak. Menurut Artikel tersebut, Suruhanjaya hendaklah menyediakan satu laporan tahunan mengenai perkhidmatannya kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan salinannya dibentangkan semasa persidangan Dewan Undangan Negeri.

Selaras dengan itu, Laporan Tahunan SPANS 2016 ini merangkumi perkhidmatan yang dilaksanakan oleh SPANS dan yang telah diwakilkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dan Ketua-ketua Jabatan melalui Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-Kuasa), 2004 berkuatkuasa mulai 17 Januari 2004.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak lapan ratus sebelas (811) jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan telah diisi. Ia merangkumi; dua puluh sembilan (29) jawatan untuk gred 29, empat ratus tujuh (407) jawatan untuk gred 19 dan tiga ratus tujuh puluh lima (375) jawatan untuk gred 11. Disamping itu, sebanyak 174 jawatan kosong gred 41 dan gred 29 di bawah Arahan Suruhanjaya (Penurunan Kuasa) 2004 juga telah diisi.

LAPORAN TAHUNAN 2016

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

# 08 SEJARAH PENUBUHAN

## SEJARAH **PENUBUHAN**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) telah ditubuhkan pada 1 November 1961 di bawah The Sarawak (Public Service Commission) Order in Council, 1961. Ia berfungsi untuk menasihati Gabenor selaras dengan Order in Council tersebut dan apa-apa juga peraturan yang dibuat dari semasa ke semasa sehingga 15 September 1963.

Artikel 35(1), Perlembagaan Negeri Sarawak menyatakan bahawa keanggotaan SPANS adalah terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak kurang dari empat (4) dan tidak lebih dari sembilan (9) orang Ahli. Manakala, Pentadbiran dan urusan harian SPANS dilaksanakan oleh beberapa orang kakitangan Kerajaan Negeri yang diketuai oleh seorang Setiausaha.

Sejak penubuhannya, seramai sembilan (9) orang Mantan Pengerusi telah dilantik sebelum Pengerusi yang sedia ada.

# 10

# MANTAN-MANTAN PENGERUSI SPANS

# MANTAN-MANTAN *Pengerusi* SPANS



1. Mr. Richard Leslie Vaughan Wilkes
(1 November 1961 - 4 Mac 1964)



2. Mr. F.R.K. Kitto
(5 Mac 1964 – 23 Februari 1967)



3. Datuk John Nichol ak. Kassim
(15 Mac 1967 – 14 Mac 1971)



4. Datuk Dominic A. Dago ak. Randan
(15 Mac 1971 – Disember 1973)



5. Encik Francis Abang Louis Barieng
(Januari 1974 – 1 April 1977 )



6. Datuk Haji Tuah Johari bin Haji Bojeng
(2 April 1977 – 12 September 1983)



7. Datuk Wan Hashim bin Datuk Tuanku Taha
(1 November 1983 – 31 Oktober 1989)



8. Tan Sri Datuk Amar Haji Hamdan Sirat
(15 Disember 1989 – 14 Jun 2005)



9. Datu Haji Hamzah bin Haji Drahman
(1 Julai 2005 – 30 Jun 2011)

# LAPORAN TAHUNAN 2016

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

12

# VISI & MISI



# VISI

Sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bertaraf Dunia pada 2030



# MISI

Kami Komited Dalam Menyediakan Modal Insan Yang Berkualiti Untuk Mencapai Kecemerlangan Perkhidmatan Awam





# LAPORAN TAHUNAN 2016

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

# 14

# FUNGSI-FUNGSI SPANS




Bermula pada 1 Julai 2000, dengan berkuatkuasanya Local Authority Service Regulations 2000, SPANS merupakan kuasa melantik, mengesahkan jawatan dalam perkhidmatan, menaikkan pangkat dan mengawal disiplin kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala kelulusan untuk Pemberian Taraf berpencen adalah bidang kuasa pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

SPANS juga dipertanggungjawabkan untuk mengurus Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak (Artikel 39 (3), Perlembagaan Negeri Sarawak)

# LAPORAN TAHUNAN 2016

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

# 16 PERWAKILAN KUASA

PERWAKILAN KUASA KEPADA

# SUK & KETUA JABATAN

**Melantik** mana-mana orang di dalam mana-mana jawatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri di jabatan masing-masing bagi **Gred 27 dan ke atas** (selain daripada jawatan Timbalan Pengarah atau Penolong Pengarah) sama ada jawatan tersebut bertaraf tetap dan berpencen, tetap dan tidak berpencen, atau pelantikan secara kontrak atau secara sementara

**Menamatkan pelantikan perkhidmatan** mana-mana pegawai yang dilantik seperti yang dinyatakan yang **masih di dalam tempoh percubaan**

**Melanjutkan tempoh percubaan** pegawai yang dilantik selama mana perlanjutan tempoh tersebut tidak melebihi tempoh yang ditetapkan dalam Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996 (Swk. L.N.1/96)

**Melantik dan menamatkan pelantikan memangku** atau menjalankan tugas mana-mana pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Negeri di jabatan masing-masing (kecuali jawatan Timbalan Pengarah), sama ada atau tidak menjalankan tugas jawatan hakiki pegawai tersebut, tetapi **tidak melebihi 180 hari bekerja** kecuali setelah mendapat kelulusan SPANS

Melalui Artikel 36(6), Perlembagaan Negeri Sarawak, SPANS telah mewakilkan kuasa-kuasanya kepada Setiausaha Kerajaan Sarawak (SUK) dan Ketua Jabatan melalui Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-Kuasa), 2004 yang berkuatkuasa pada 17 Januari 2004. Ianya menggantikan Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-Kuasa), 1998.

## SUK

**Mengesahkan pelantikan** mana-mana jawatan pegawai **Gred 27 dan ke atas** (selain daripada jawatan yang dilantik di bawah Artikel 11 atau yang dilantik di bawah Artikel 36(4), Perlembagaan Negeri Sarawak)

**Pertukaran tempat bertugas** mana-mana pegawai awam negeri dari satu kementerian atau jabatan ke kementerian atau jabatan yang lain atau sebaliknya, tanpa melibatkan penurunan pangkat

LAPORAN TAHUNAN 2016

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

# 18 STRUKTUR ORGANISASI

# CARTA ORGANISASI

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

Bagi membantu SPANS dalam melaksanakan peranan dan fungsinya unsetia Suruhanjaya mempunyai 38 orang kakitangan dan dibahagikan kepada empat (4) Bahagian, iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Kenaikan Pangkat dan Tatatertib, Bahagian Pengambilan dan Perkhidmatan dan Bahagian Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak.

**Pengerusi SPANS**

- Timbalan Pengerusi & 6 Ahli SPANS
- Haji Adana Bin Haji Jed, Setiausaha, N54
- Favarina bt. Bujang, Setiausaha Pejabat, N27
- Nur Ain Jarawi, Setiausaha Pejabat, N27
- Catherina ak. Jackson Blanda, Pembantu Tadbir(P/O), N17

**BAHAGIAN TATATERTIB DAN KENAIKAN PANGKAT**

- Siti Rafsah binti Haji Abdul Rahman, Pegawai Tadbir, N41
  - Dyg Maskamala Binti Abang Saiti, Penolong Pegawai Tadbir, N36
  - Mohd Khairul Ikhzan bin Paidar, Penolong Pegawai Tadbir, N27
    - Endu Maureen Nicholas Juna, Pembantu Tadbir(P/O), N17
    - Hasanah binti Jainal, Pembantu Tadbir(P/O), N17

**BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN**

- Sabi Bin Haji Abang, Pegawai Tadbir, N48
  - Julia Ho Binti Mohd Jeffri, Pegawai Tadbir, N41(JBC)
  - Amrul b. Haji Yusup, Penolong Pegawai Tadbir, N27
  - Zalilina Bte Seron, Pembantu Tadbir(Kew), W22
  - Simbah ak. Libu, Pembantu Tadbir (Kew), W17
  - Norliza bt. Pitani, Pembantu Tadbir(P/O), N17
  - Dennis Seman ak. Wilfred Busu, Pembantu Tadbir(P/O), N17
  - Hadzlina bt. Ibrahim, Pembantu Tadbir(P/O), N17
  - Monica Anak Sapin, Pembantu Tadbir(P/O), N17
  - Rozita bt. Daud, Pembantu Tadbir Rendah, N11
  - Hipzawi b. Arbi, Pembantu Am Rendah, N1
  - Wolfread Semister Anak Hong Ping, Pemandu Ken. Bermotor, R3
  - Masri b. Kamuri, Pemandu Ken. Bermotor, R3
  - Abdul Halim bin Jami, Pemandu Ken. Bermotor, R3
  - Azlan Adidi bin Jamal, Pemandu Ken. Bermotor, R3
  - Dayang Hanon bte Awg Johari, Pekerja Rendah Awam, R1
  - Elizabeth Khung, Pekerja Rendah Awam, R1

**BAHAGIAN PENGAMBILAN DAN PERKHIDMATAN**

- Khairul Ridza bin Wahed, Pegawai Tadbir, N41
  - Rafi'uddin Bin Rasman, Pegawai Tadbir, N41(JBC)
  - Nyam Siew Ling, Pembantu Tadbir (P/O), N17
  - Rosemaria ak. Jeron, Pembantu Tadbir(P/O), N17
  - Muhammad Akmal b. Ismani, Pembantu Tadbir(P/O), N17

**BAHAGIAN BIASISWA PINJAMAN**

- Katherine Bidi Ak Roberth Bidi, Pegawai Tadbir, N41
  - Dyg Normasni Binti Abang Julaihi, Pen. Pegawai Tadbir, N27(JBC)
  - Rosli b. Pandi, Pembantu Tadbir, N22
  - Julipah bt. Sutiman, Pembantu Tadbir(Kew), W17
  - Kosong (Tetap), Pembantu Tadbir (P/O), N17
  - Ali b. Mohamad, Pembantu Tadbir(P/O), N17
  - Corina ak Bernard, Pembantu Tadbir (P/O), N17

LAPORAN
TAHUNAN
2016

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
AWAM NEGERI
SARAWAK

# 20
# SENARAI PERJAWATAN & KAKITANGAN

# SENARAI KAKITANGAN SPANS TAHUN 2016

| Bil. | Penyandang | Nama & Gred Jawatan | Taraf Jawatan |
|---|---|---|---|
| 1 | Haji Adana Bin Haji Jed | Setiausaha, N54 | Tetap |
| 2 | Sebi Bin Haji Abang | Pegawai Tadbir, N48 | Tetap |
| 3 | Siti Rafeah binti Abdul Rahman | Pegawai Tadbir, N41 | Tetap |
| 4 | Katherina Bidi Anak Robert Bidi | Pegawai Tadbir, N41 | Tetap |
| 5 | Khairul Ridza bin Wahed | Pegawai Tadbir, N41 | Tetap |
| 6 | Rafi'uddin Bin Rasman | Pegawai Tadbir, N41 JBC | JBC |
| 7 | Julia Ho Binti Mohd Jeffri | Pegawai Tadbir, N41 JBC | JBC |
| 8 | Dayang Maskamala Binti Abang Sebli | Penolong Pegawai Tadbir N36 | Tetap |
| 9 | Amrul bin Haji Yusup | Penolong Pegawai Tadbir, N27 | Tetap |
| 10 | Mohd Khairul Ikhzan bin Paidar | Penolong Pegawai Tadbir, N27 | Tetap |
| 11 | Dayang Normasni Binti Abang Julaihi | Penolong Pegawai Tadbir, N27 | JBC |
| 12 | Favarina binti Bujang | Setiausaha Pejabat, N27 | Tetap |
| 13 | Nur Ain binti Jarawi | Setiausaha Pejabat, N27 | JBC |
| 14 | Rosli bin Pandi | Pembantu Tadbir (P/O) N22 | Tetap |
| 15 | Zallina Binti Seron | Pembantu Tadbir (Kewangan), W22 | Tetap |
| 16 | Julipah binti Sutiman | Pembantu Tadbir (Kewangan), W17 | Tetap |
| 17 | Simbah ak. Libu | Pembantu Tadbir (Kewangan), W17 | Tetap |
| 18 | Catherina ak Jackson Blanda | Pembantu Tadbir (P/O), N17 | JBC |
| 19 | Dennis Seman ak Wilfred Busu | Pembantu Tadbir (P/O), N17 | Tetap |
| 20 | Muhammad Akmal bin Ismani | Pembantu Tadbir (P/O), N17 | Tetap |
| 21 | Ali Bin Mohamad | Pembantu Tadbir (P/O), N17 | Tetap |
| 22 | Corina ak Bernard | Pembantu Tadbir (P/O), N17 | Tetap |
| 23 | Hassanah binti Jainal | Pembantu Tadbir (P/O), N17 | Tetap |
| 24 | Monica ak Sapin | Pembantu Tadbir (P/O), N17 | Tetap |
| 25 | Nyam Siew Ling | Pembantu Tadbir (P/O), N17 | Tetap |
| 26 | Endu Maureen ak. Nicholas Juna | Pembantu Tadbir (P/O), N17 | Tetap |
| 27 | Masni binti Zaidi | Pembantu Tadbir (P/O), N19 | Tetap |
| 28 | Hajjah Norliza binti Haji Pitani | Pembantu Tadbir (P/O), N19 | Tetap |
| 29 | Hadzlina binti Drahim | Pembantu Tadbir (P/O), N19 | Tetap |
| 30 | Rosemaria ak. Jeron | Pembantu Tadbir (P/O), N19 | Tetap |
| 31 | Rozita binti Daud | Pembantu Tadbir Rendah, N19 (TBK) | JBC |
| 32 | Hiprawi bin Arbi | Pembantu Am Rendah,N1 | Tetap |
| 33 | Masri bin Kamuri | Pemandu Kenderaan Bermotor, R3 | Tetap |
| 34 | Abdul Halim bin Jarni | Pemandu Kenderaan Bermotor, R3 | Tetap |
| 35 | Welfread Semister Ak Hong Ping | Pemandu Kenderaan Bermotor, R3 | Tetap |
| 36 | Azlan Adidi bin Jamal | Pemandu Kenderaan Bermotor, R3 | JBC |
| 37 | Dayang Konon Binti Awang Johari | Pekerja Rendah Awam, H11 | Tetap |
| 38 | Elizabeth Khung | Pekerja Rendah Awam, H11 | Tetap |

LAPORAN TAHUNAN 2016

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

# 22 LAPORAN KEWANGAN

## PERUNTUKAN KEWANGAN

Sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Juta Tujuh Puluh Sembilan Ribu Lapan Ratus Dua Puluh dan Tiga Puluh Lima Sen (RM7,079,820.35) telah diluluskan untuk 2016.

Daripada keseluruhan peruntukan yang diluluskan, sebanyak Ringgit Malaysia Enam Juta Empat Ratus Empat Puluh Enam Ribu Sembilan Ratus Empat Belas dan Lapan puluh lapan sen (RM 6,446,914.88) iaitu bersamaan Sembilan Puluh Satu Peratus (91%) telah dibelanjakan iaitu meningkat sebanyak Tujuh Peratus (7%) berbanding tahun 2015.



# LAPORAN TAHUNAN 2016

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

# 24-25 PENGAMBILAN

# DEMOGRAFI PEMOHON




117k Permohonan
1244 Ditemuduga

136k Permohonan
1234 Ditemuduga




PANS: Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak
PBT: Pihak Berkuasa Tempatan

## BILANGAN PEMOHON MENGIKUT ETNIK

| Etnik | Jumlah |
|---|---|
| India | 618 |
| Jawa | 457 |
| Bugis | 491 |
| Penan | 252 |
| Bukitan | 43 |
| Dusun | 1,380 |
| Kajang | 246 |
| Lisum | 3 |
| Sian | 14 |
| Tagal | 77 |
| Tabun | 8 |
| Ukit | 13 |
| Melayu | 71,511 |
| Melanau | 14,749 |
| Cina | 11,241 |
| Iban | 41,449 |
| Bidayuh | 18,088 |
| Kayan | 2,186 |
| Kedayan | 1,889 |
| Bisaya | 1,026 |
| Kenyah | 2,169 |
| Lun Bawang | 1,219 |
| Kelabit | 398 |
| Jumlah | 169,527 |

## BILANGAN PEMOHON DALAM E-RECRUITMENT

| BAHAGIAN | BILANGAN PEMOHON |
|---|---|
| 1. Kuching | 59,595 |
| 2. Sri Aman | 6,670 |
| 3. Sibu | 17,981 |
| 4. Miri | 18,725 |
| 5. Limbang | 6,265 |
| 6. Sarikei | 7,642 |
| 7. Bintulu | 11,176 |
| 8. Kapit | 4,649 |
| 9. Samarahan | 11,112 |
| 10. Betong | 9,368 |
| 11. Mukah | 7,923 |
| 12. Serian | 8,421 |



# PENGAMBILAN DI BAWAH PERWAKILAN KUASA

Sistem Pengambilan Sepanjang Masa membolehkan permohonan **10** jawatan yang diminati yang sah untuk tempoh setahun dari tarikh permohonan.

**169k** Pemohon

**253k** Permohonan




Permohonan mengisi jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak adalah melalui **Sistem e-Recruitment**

**148k** Gred 29

**14k** Gred 41

**90k** Gred 19

**811** Kekosongan

**963** Gred 11 + **1384** Gred 19 + **131** Gred 29 = **2478** Ditemuduga

**375** Gred 11 + **407** Gred 19 + **29** Gred 29 = **811** Berjaya

Urusan pengambilan Gred 29 ke atas utk PANS diwakil kuasa kepada SUK & Ketua Jabatan.

Melalui Arahan SPANS (Perwakilan Kuasa), 2004, urusan pengambilan Gred 29 ke atas dikendalikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Jabatan

| JABATAN | JUMLAH KEKOSONGAN | JUMLAH PEMOHON | *JUMLAH DITEMUDUGA | JUMLAH DIPILIH |
|---|---|---|---|---|
| Jabatan Ketua Menteri | 174 | 41,446 | 559 | 174 |
| Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) | 36 | 17,773 | 159 | 34 |
| Jabatan Tanah & Survey | 51 | 5,222 | 55 | 51 |
| Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR) | 94 | 707 | 357 | 87 |
| Jabatan Pertanian Sarawak | 58 | 18,097 | 117 | 46 |
| Jumlah keseluruhan | 413 | 83,245 | 1,247 | 392 |

*Calon Berjaya melepasi saringan Ujian Pengambilan Lantikan Baru (UPLB), Pusat Penilaian, Ujian Psychology & Competency-Based Structured Interview.

**27** Gred VU3-VU7 + **67** Gred 54-41 + **0** Gred 26-17 + **0** Gred 16-1 = **94** Jumlah Lantikan Selepas Bersara

Sumber: USMN /SPANS



# 27

# KENAIKAN PANGKAT







# KENAIKAN PANGKAT




| Jawatan | PANS | PBT |
|---|---|---|
| Pengurusan Tertinggi | 10 | 0 |
| Pengurusan & Professional | 229 | 9 |
| Sokongan I (Gred 19 - 40) | 39 | 19 |
| Sokongan II (Gred 18 ke bawah) | 6 | 0 |
| TBK – Sokongan I (Gred 19 - 40) | 144 | 28 |
| TBK – Sokongan II (Gred 18 ke bawah) | 118 | 11 |

# LAPORAN TAHUNAN 2016

# 29 PERKHIDMATAN

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

# PERKHIDMATAN

**280orang**

*Diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri mengikut Arahan Suruhanjaya (Perwakilan Kuasa) 2004

## 753 Pengesahan Jawatan Dalam Perkhidmatan

| | Gred 11 | Gred 19 | Gred 29 | Gred 41 |
|---|---|---|---|---|
| 680 PANS | 205 | 195 | 179* | 101* |
| 73 PBT | 23 | 28 | 14 | 8 |

Suruhanjaya meluluskan perakuan pengesahan dalam perkhidmatan setelah diproses mengikut Kaedah 10 (1) & (2) Kaedah – Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak serta mematuhi ketetapan Perintah Am 27 Perintah - Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 1996.

## 33 Perlanjutan Tempoh Percubaan

| | Gred 11 | Gred 19 | Gred 29 | Gred 41 |
|---|---|---|---|---|
| 24 PANS | 5 | 19 | 0 | 0 |
| 9 PANS | 0 | 8 | 1 | 0 |

Perlanjutan tempoh percubaan bagi kakitangan PANS dan PBT mendapat kelulusan Suruhanjaya setelah diproses mengikut Kaedah 10(1), (2) & (3) Kaedah – Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan mematuhi ketetapan Perintah Am 27 Perintah-perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 1996.

## 112 Pemberian Taraf Berpencen

| Gred 11 | Gred 19 | Gred 29 | Gred 41 |
|---|---|---|---|
| 5 | 19 | 21 | 67 |

Pemberian taraf berpencen bagi kakitangan PANS yang membuat opsyen pencen adalah mengikut Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan Perintah Am 30 (3) dalam Perintah – perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak, 1996.

*Data ini tidak termasuk kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana kelulusan pemberian taraf berpencen menurut Akta Pencen 1980 - PBT (Akta 239) adalah dibawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

## 78 Pemangkuan & Penanggungan Kerja

| | Gred 11 | Gred 19 | Gred 29 | Gred 41 |
|---|---|---|---|---|
| 59 Memangku | 0 | 19 | 0 | 0 |
| 59 Memangku | 0 | 8 | 1 | 0 |

Pelantikan memangku dan menanggung kerja yang diluluskan SPANS adalah untuk tempoh melebihi 180 hari sahaja. Bagi tempoh kurang 180 hari, kelulusan adalah di bawah bidang kuasa ketua jabatan

# LAPORAN TAHUNAN 2016

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

# 31 TATATERTIB




Kes diputuskan mengikut Kaedah 39, Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, 1996 (KKSPA) dan Seksyen 18, Akta Acara Kewangan, 1957

PANS : Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak

PBT: Pihak Berkuasa Tempatan

## HUKUMAN TATATERTIB YANG DIKENAKAN MENGIKUT KES




## KES TATATERRIB MENGIKUT GRED




## BILANGAN KES TATATERTIB MENGIKUT KESALAHAN




| Sektor | Kesalahan | Hukuman Tatatertib | Pengurusan & Professional | Sokongan I | Sokongan II | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| PANS | Ponteng Kerja | Buang Kerja | - | 7 | 12 | 19 |
| | | i. Cela<br>ii. Lucut hak Emolumen<br>iii. Turun Gaji | - | 1 | 1 | 2 |
| | | Warta dibawah kaedah 28(3) KKSPA, 1996 | - | 3 | 3 | 6 |
| | Jenayah | Buang Kerja | 1 | - | 2 | 3 |
| | Ingkar Perintah | i. Cela<br>ii. Denda | 1 | - | - | 1 |
| | Pecah Amanah | Buang Kerja | 1 | 12 | 1 | 14 |
| | Kemalangan | Surcaj | - | - | 2 | 2 |
| | Bankrap | i. Cela<br>ii. Tangguh Pergerakan gaji | - | 1 | 3 | 4 |
| | Tidak Jujur | Buang Kerja | - | 1 | - | 1 |
| | | i. Cela<br>ii. Turun Gaji | 1 | - | - | 1 |
| | Dadah | Buang Kerja | - | 3 | 2 | 5 |
| PBT | Ponteng Kerja | Buang Kerja | - | - | 1 | 1 |
| | Pecah Amanah | Buang Kerja | - | 1 | - | 1 |
| | | **Jumlah** | **4** | **29** | **27** | **60** |

LAPORAN TAHUNAN 2016

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

# 33-35

# BIASISWA PINJAMAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK (BPKNS)



# BPKNS

## BIASISWA PINJAMAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK (BPKNS)

BPKNS merupakan Biasiswa Pinjaman kewangan kepada pelajar Sarawak untuk pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Permohonan boleh dibuat melalui e-Scholarship.

** Pinjaman Pendidikan tertakluk dengan syarat-syarat pembiayaan BPKNS*




**189** Pelajar baru yang berjaya menerima BPKNS bagi tahun 2016




## Permohonan 2016 : 1,449

**315** Daripada jumlah itu seramai calon penerima BPKNS telah dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga

## KADAR PEMBAYARAN BPKNS

| Peringkat Pengajian | Tempat Peminjam | | |
|---|---|---|---|
| | Sarawak | Sabah | Semenanjung |
| Diploma | 2,500.00 | 2,750.00 | 2,850.00 |
| Ijazah Sarjana Muda | 3,500.00 | 3,750.00 | 3,850.00 |




PENINGKATAN JUMLAH KUTIPAN BALIK

# PRESTASI PERBELANJAAN BPKNS




# PERATUSAN PERBELANJAAN




## PELAJAR BARU PENERIMA BPKNS MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN




## BIDANG PENGAJIAN PELAJAR BARU PENERIMA BPKNS SESI 2016

| Bil | Bidang Pengajian | Diploma | Ijazah Sarjana Muda |
|---|---|---|---|
| 1 | Ekonomi & Perniagaan | 9 | 26 |
| 2 | Kejuruteraan | 18 | 51 |
| 3 | Pengurusan | 7 | 11 |
| 4 | Sains & Sains Gunaan | 7 | 31 |
| 5 | Sains & Sains Sosial | 6 | 17 |
| 6 | Teknologi Maklumat | 2 | 2 |
| 7 | Undang-undang | 0 | 2 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **49** | **140** |

# BAYARAN BALIK BIASISWA PINJAMAN

**AKAUN BELUM TERIMA (ABT)**

Setakat 31 Disember 2016, jumlah bayaran balik yang masih tertunggak adalah seperti maklumat berikut;

| Bil | Tempoh ABT | Jumlah (RM) | Tindakan Susulan |
|---|---|---|---|
| 1. | Hingga satu tahun | 48,141.55 | Bagi mengurangkan ABT ini, urusetia BPKNS telah merancang dan bertindak secara berterusan menghubungi bekas pelajar tajaan menerusi telefon dan menghantar surat peringatan membayar serta notifikasi secara automatik menerusi e-mail dan SMS dalam sistem e-Scholarship pada setiap 28hb. |
| 2. | Lebih dari satu tahun hingga dua tahun | 120,040.20 | |
| 3. | Lebih dari dua tahun hingga tiga tahun | 127,073.00 | |
| 4. | Lebih dari tiga tahun | 1,269,077.35 | |
| | **Jumlah** | **1,564,332.10** | |

**KUTIPAN BAYARAN BALIK**

Sehingga 31 Disember 2016, sejumlah **RM848,666.53** telah berjaya dikutip seperti berikut;

| Jenis Hasil Kutipan | Mod Terimaan | | | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| | Kaunter (RM) | Online (RM) | Potongan Gaji (RM) | |
| BPKNS (85300) | 403,208.33 | 433,477.20 | 0 | **848,666.53** |
| *Sarawak Government Student Loan (85200) | 750.00 | 0 | 0 | **750.00** |

**Nota: Sarawak Government Student Loan hanya ditawarkan sehingga tahun 1974 dan digantikan dengan BPKNS*

37-44

# GALERI




SIBU
(JAN 2016)




MIRI
(JAN 2016)




SARATOK
(JAN 2016)





KAPIT
(FEB 2016)

# SEJIWA SENADA 2016







KUCHING
(APRIL 2016)







LIMBANG
(APRIL 2016)





SAMARAHAN
(APRIL 2016)



SRI AMAN
(APRIL 2016)

# PERAYAAN 2016





CHINESE NEW YEAR 2016
(FEB 2016)





MAJLIS PERAYAAN GAWAI DAN RAYA 2016
(JULAI 2016)

# LAWATAN 2016




LAWATAN KE PTPTN
(FEB 2016)




PERJUMPAAN BERSAMA SUK
(FEB 2016)




LAWATAN KE UCTS SIBU
(FEB 2016)





LAWATAN DARI SPA MALAYSIA CAWANGAN SARAWAK
(SEPT 2016)

# BENGKEL 2016




BENGKEL PEMURNIAN PELAN STRATEGIK
(DIS 2016)




LAB KFA 2016
(MEI 2016)




GENERAL ORDERS 1996
(DIS 2016)





KURSUS INDUKSI KHUSUS 2016
(OKT 2016)

# REKREASI 2016






KARNIVAL SUKAN SPANS
(DIS 2016)





GOTONG-ROYONG
(JAN 2016)





HIGH TEA ANJURAN KRDS
(MAC 2016)







BRISK WALKING SEMPENA HARI SUKAN NEGARA 2016
(OKT 2016)

# PAMERAN 2016





PROGRAM MINDA
(MAC 2016)



LAN BERAMBEH 2016
(OKT 2016)





SCAT FAIR 2016
(MAC 2016)






CAREER FAIR 2016
(NOV 2016)





DUN ONLINE
(NOV 2016)

# LAIN-LAIN



Roll Out PSC SC 2016
(6 Jan 2016)



Mesyuarat GMAC dan Majlis Berbuka Puasa
(Jun 2016)



Pemeriksaan TIBI
(Jun 2016)





Majlis Dialog Bersama
Ketua Jabatan Bahagian Sibu (Mac 2016)



Ceramah Integriti dan Forum Tatatertib 2016
(Okt 2016)



Taklimat Esther oleh Pustaka
(Mei 2016)



Penyerahan E-Circulation SPA Malaysia
(Okt 2016)



Strategic Engagement Programme Pegawai Tadbir Diplomatik
(Okt 2016)

# PENGHARGAAN & TERIMA KASIH

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada YBhg. Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Ahli-ahli Suruhanjaya, seluruh kakitangan SPANS & semua pihak yang terlibat dalam menyediakan Laporan Tahunan 2016 ini.

# SIDANG REDAKSI

## PENASIHAT

**Datu Abdul Ghafur Bin Shariff**
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak

## KETUA

**Haji Adana Bin Haji Jed**
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak

## AHLI

**Sebi Bin Haji Abang**
**Rafi'uddin Bin Rasman**
**Amrul bin Haji Yusup**
**Siti Rafeah Binti Abdul Rahman**
**Katherina Bidi Anak Robert Bidi**
**Khairul Ridza Bin Wahed**

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK**

TINGKAT 9 & 10, WISMA SATOK,
JALAN SATOK, 93400 KUCHING,
SARAWAK.
NO. TELEFON : **082-23 6325 / 6554**
FAKS : **082-23 7010 / 7258**
LAMAN WEB : **www.psc.sarawak.gov.my**



*Pencetakan :*

HENG SING

No. 37, Lot 75, Section 63, 1st Floor,
Jalan Chan Bee Kiew, 93450 Kuching, Sarawak.
Tel : 082-336868 Fax : 082-339539 Email : hengsing@gmail.com
Website : www.hsbp.com.my